

# Arca dan Patung: Suatu Kefahaman Konsep

Zainuddin Abidinhazir

Universiti Pendidikan Sultan Idris

D'Zulhaimi Md. Zain

Universiti Teknologi MARA

## Abstrak

Penulisan ini adalah usaha mencari perbezaan konsep antara patung dan arca. Seni 3-dimensi wujud dalam semua budaya, memenuhi keperluan artistik manusia. Berhala, monumen, tugu, anak patung, boneka, wayang kulit, ‘orang-orangan’ di sawah, ukiran kayu orang asli dan lain-lain yang tiada dalam perbendaharaan kata tempatan, seperti torso, *effigy*, *simulacrum*, *statuette* dan *mannequin* disamaartikan dengan patung dan arca, termasuk struktur seni bina, batu bersurat, batu nisan, kepala perahu dan hulu senjata tradisi. Rangkuman dan pengadunan pelbagai entiti ke dalam satu maksud mewujudkan kesamaran dan kekeliruan.

**Kata kunci** Arca, Patung, Monumen, 3-Dimensi.

## Abstract

This piece clarifies the distinction between statues and sculpture. 3-Dimensional art exists in all cultures to meet the artistic needs. Idols, monument, memorial, dolls, puppets, shadow puppets, ‘dummy’ in the paddy fields, indigenous wood carving, torso, bust, effigy, simulacrum, statuette and a dressed mannequin are thought to be statues and sculpture, including architectural structures, trophy, inscription, tombstone, head of the boats and hilt of traditional weapons. The blending of various entities into a single meaning creates ambiguity and confusion.

**Keywords** Sculpture, Statue, Monument, 3-Dimensi.

## PENGENALAN

Masyarakat tempatan telah lama sedar terhadap estetika 3-dimensi. Jumpaan pelbagai objek utiliti dan produk bersejarah melalui kajian-kajian arkeologi membuktikan kebenaran ini. Kewujudan objek utiliti zaman pra-sejarah tidak bersandarkan ekspresi atau ideologi, tetapi disebabkan dorongan fitrah dan kreativiti manusia yang memerlukan alatan bantuan dalam pengurusan kehidupan sehari-hari. Produksinya tidak dianggap sebagai suatu aktiviti penghasilan objek seni disebabkan kepenggunaannya. Berdasarkan fitrah manusia yang memerlukan kepada peralatan asas, pelbagai inovasi dilakukan untuk mencipta perkakasan seperti bekas makanan dan minuman, senjata, alat pertanian, objek agama dan seni bina. Peninggalan artifak-artifak ini merupakan khazanah yang amat bernilai kepada ahli-ahli arkeologi dalam pengkajian mereka berkenaan sesuatu tamadun.

Apabila masyarakat semakin bertamadun, penolakan terhadap sistem barter, penggunaan bahan dan teknologi mengambil peranan dalam sektor perdagangan. Cangkerang seperti kulit siput gerus (*Cypraca Moneta*), manik dan barang eksotik tidak lagi digunakan sebagai transaksi tukaran nilai barang. Sekitar kurun ke-9, Semenanjung Tanah Melayu merupakan pengeluar bijih timah yang utama dirantau ini. Gelaran *Golden Chersonese* oleh *Ptolemy* merujuk kepada kekayaan sumber logam emas dan bijih timah di Tanah Melayu, membuktikan aktiviti perlombongan dan perdagangan bermula lebih awal sekurang-kurangnya sekitar kurun ke-2 Masihi.

Teknik tuangan logam memberi nilai kepada mata wang berdasarkan timbangan dan jenis logam yang digunakan. Bentuk-bentuk mata wang dihasilkan dalam pelbagai bentuk binatang seperti kura-kura, ikan, belalang, buaya, gajah dan bentuk bebas seperti bulat, bujur, piramid dan kon (BNM, 2003). Penggunaan mata wang dan tampang (*Pyramid Money*) dimansuhkan penggunaannya oleh Inggeris pada tahun 1893 dan digantikan secara beransur-ansur dengan mata wang moden yang dikeluarkan oleh Negeri-negeri Selat sehingga tahun 1967 (BNM, 2003). Sungguhpun objek-objek ini kelihatan signifikan dengan bentuk-bentuk arca moden yang dihasilkan pada masa kini, ia tidak diiktiraf sebagai hasil seni atau arca berdasarkan saiz, fungsi dan tujuannya.

### Arca dan Patung - Suatu Kefahaman Konsep

Istilah arca' diguna pakai dalam pendekatan arkeologi dalam merujuk figura ritual, walaupun tidak bersifat sepertimana penghasilan arca seni halus. Sebagai contoh ia boleh dirujuk dalam penulisan Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman<sup>1</sup>:

Arca Dong Duong memiliki keasliannya tersendiri, walaupun aspek ikonografinya dipengaruhi oleh China. Apa yang menarik dalam arca Dong Duong ini adalah berkenaan struktur badannya dibuat mengikut ketetapan skema (*anatomy*), tetapi mukanya menunjukkan bentuk piuhan. Setiap arca memberi senyuman menandakan kepuasan dan ketenangan. Mana-mana arca yang menunjukkan sifat marah pada raut mukanya adalah pengaruh dari China pada abad ke 12 Masihi.

Istilah arca juga diguna dalam membuat deskripsi terhadap patung masyarakat asli. Hal ini ditulis oleh Shahrum Yub (1980) dengan merujuk kepada seniman Hoessein

Enas yang patut dipuji dengan usaha-usaha beliau memperkenalkan *arca* ukiran kayu Mah Meri kepada umum. Terma sama diulang oleh Baharuddin Mohd Arus (2008) dengan menuliskan bahawa masyarakat asli turut menghasilkan pelbagai produk utiliti melalui kerja-kerja kreatif. Ukiran kayu seperti topeng dan *arca* adalah produk ciptaan mereka.

Walaupun terdapat perbezaan maksud antara istilah patung dan arca (*effigy / simulacrum, monument /statue / statuette* dan *sculpture* dan lain-lain), namun aspek ini jarang diberi perhatian. Faktor ini disebabkan oleh penerimaan dalam sistem kepercayaan masyarakat berbilang kaum, kelemahan dalam kesedaran pendidikan dan tiada keprihatinan untuk mengklasifikasikannya. Kesamaran maksud mendatangkan tanggapan yang berbeza kepada setiap kebudayaan. Philippe Bruneau, Mario Torelli dan Xavier Barral (2010) mengulas bahawa:

*There is always a complicity of a synonym, resulting from the fact that the interchangeable thing may be viewed from different viewpoints. In the circumstances, the terminology for statuary may provide useful knowledge on individual signifies, but the semantic dissemination of concurrent terms is not systematic enough to give us criterions for categorizing either the formations or even the purposes of statues.<sup>2</sup>*

Komplikasi ini kelihatan serius terutamanya dalam kebudayaan dan kepercayaan Islam. Ini kerana terma-terma arca seperti, '*architecture sculpture*', '*statue*', '*cult statue*', '*statuette*', '*effigy*', '*bust*' dan seumpamanya, adalah bukan daripada kesenian Islam. Dengan demikian, pemahamannya adalah kekal mengikut idea-idea barat, dan disokong bawaannya oleh penganut agama budaya. Sementara seniman Islam di perantaraan antara keduanya, keliru dan samar dalam ekspresi bentukan berjisim.

Patung dalam pemahaman lazim merujuk kepada representasi 3-dimensi berupa imajan/karakter/figura manusia secara sempurna, bagi tujuan-tujuan penghargaan, penghormatan atau pengiktirafan kepada jasa, sumbangan atau kekuasaan seseorang. Imej-imej binatang turut mendapat perhatian bagi tujuan ini. Antara contoh-contoh yang jelas dalam kategori ini adalah *Statue of Liberty* setinggi 92.964 meter (305 kaki) didirikan pada tahun 1886 di Liberty Island New York City, New York. Kerangka patung ini diperbuat dari keluli yang disalut tembaga merah (*copper*) tulen setebal 2.38 millimeter (3/32 in.).<sup>3</sup>

Antara lain, patung Abraham Lincoln<sup>4</sup> di Memorial Lincoln, National Mall, Washington, DC, Amerika Syarikat, diukir oleh Daniel Chester dan Piccirilli pada tahun 1920. Beberapa lagi replika seumpamanya seperti patung gangsa *The Man* atau *Standing Lincoln* di Lincoln Park dan *The Head of State* atau *Seated Lincoln* di Grant Park, Chicago dibina oleh Augustus Saint-Gaudens pada tahun 1887 dan 1908. Ia merupakan satu kejayaan di mana ketelitian binaan, kedutan dan lipatan pakaian berupaya mengalihkan perhatian seseorang untuk melihatnya (Gardners, H., 1959).

Di Indonesia, terdapat lebih daripada 20 buah patung dan monumen. Antaranya adalah patung Soekarno-Hatta diperbuat dari gangsa berukuran 7.2 x 4.4 meter. Patung ini didirikan oleh Soenaryo Studio, Bandung sebagai lambang "Indonesia untuk dunia Antarabangsa" (Nas, Peter J.M., 1992). Patung gangsa Raden Ajeng Kartini di Menteng, Jakarta Tengah dibangunkan sebagai memperingati ketokohan wanita Indonesia. *Prince Diponegoro Statue handcrafted in 1965 by Colbertado an Italian*

*sculptor*.<sup>5</sup> Turut dibina pada tahun 1965 adalah patung Putera Diponegoro buatan tangan Colbertado, pengarca Itali.

Di Malaysia, patung selesa dibahasakan sebagai monumen. Tugu Negara Malaysia terletak di Jalan Parlimen, Kuala Lumpur adalah contoh yang baik. Tugu ini dibina pada tahun 1966 daripada gangsa oleh pengukir Austria, Felix de Weldon dengan ketinggian 15 meter, sebagai memperingati jasa perajurit tanah air. De Weldon turut membina patung gangsa Tunku Abdul Rahman, dan ditempatkan di hadapan bangunan Parlimen di Kuala Lumpur. Sebuah patung Tunku Abdul Rahman didirikan di hadapan Hotel Federal, Kuala Lumpur. Patung ini telah dipindahkan ke lokasi yang tidak diketahui oleh majlis perbandaran Kuala Lumpur pada tahun 2007. Selain itu, terdapat beberapa buah arca figura Inggeris zaman kolonial ditempatkan di beberapa lokasi strategik di Malaysia untuk dijadikan rujukan.

Selain manusia, arca binatang turut dibina. Antara yang terkenal adalah monumen *Sea-Eagle* setinggi 12 meter (39.36 kaki) di Dataran Lang, Kuah, Langkawi, Kedah. Helang ini dalam posisi kedua-dua sayap dikembangkan seakan bersedia untuk terbang. Patung gajah dibina megah di hadapan pintu masuk ke Sunway Resort Hotel, Subang Jaya.

Bagaimana pula dengan figura-figura di kuil dan gereja, yang juga dibina menggunakan ikonografi manusia? Adakah ikon-ikon dalam gereja dan kuil-kuil tersebut patung atau arca? N.S. Gill menyebutkan, bahawa Zeus adalah arca untuk menghormati raja segala tuhan dihasilkan bersama oleh Pheidias, pengukir Athens dan Libon, seorang arkitek pada tahun 440 SM. Namun dalam posisi duduk dengan ketinggian 12.2 meter (40 kaki), kepala tuhan itu seakan mencecah bumbung gereja dan bumbung seolah-olah akan terangkat jika tuhan berdiri.<sup>6</sup>

Karya-karya seniman ternama Barat seperti Michelangelo Buonarroti, menghasilkan arca-arca berpandukan Bible seperti '*Moses with Horns*', ditempatkan di gereja San Pietro, Vincoli, Rome pada tahun 1505 (Ceysson, B., et. al., 2010). Pengarca expressionis kelahiran Amerika, Jacob Epstein menghasilkan arca gangsa '*Madonna and Child*' pada tahun 1927. Arca setinggi 64½ inci ini di tempatkan di gereja Riverside, New York. Arca realistik ini menggambarkan aksi seorang perempuan sedang duduk bersama seorang kanak-kanak lelaki berdiri di antara dua kakinya. Walaupun arca ini kelihatan teguh dan sebahagiannya untuk kepuasan estetik, namun kesempurnaan anatomi, kedutan pakaian dan air muka kepiluan, merupakan kejayaan khusus Jacob Epstein terhadap usaha menghadirkan pernyataan emosi dalam meditasi (Gardners, H., 1959).

Merujuk situasi karya di atas, penulis N.S. Gill, B.Ceysson, G. Bresc-Bautier dan Helen Gardners menggunakan sebutan arca (*sculpture*) walaupun representasi adalah mewakili ketuhanan seperti *Zeus*, *Moses* dan "*Madonna and Child*" yang mungkin mengambil kisah Mariam dan Isa dari Bible. Arca-arca ini diiktiraf sebagai idolatri dengan memiliki nilai-nilai agama yang mana ditempatkan di dalam rumah-rumah ibadat (*synagogue*) dan gereja.

Patung Dewa Murugan setinggi 42.7 meter (140 kaki) di Gombak, Selangor, merupakan patung dewa Murugan tertinggi di dunia. Patung "*Sitting Buddha*" di Wat Phithikyan Phutthakhtham Kampung Balai, Bachok setinggi 36 meter (118.11 kaki), merupakan yang terbesar di Asia, dilengkapi kemudahan lif di bahagian dalamnya.

Selain itu, patung “*Sitting Buddha*” setinggi 30 meter (98.42 kaki) di Kampung Jubakar, Tumpat dan “*Sleeping Buddha*” berukuran 10.6 x 40.9 meter (34.77 x 134.18 kaki), di Kampung Jambu, Kelantan merujuk kepada beberapa patung *gigantic* di Malaysia.

Bait atau kuil Sam Poh Tong, di Perak, telah diasaskan pada tahun 1912. Di dalamnya mengandungi kemahiran kerja-kerja seni dengan sejumlah patung-patung figura Buddha berbeza saiz diukir pada struktur batu dan stalaktit asli. Selebihnya terdapat ratusan atau ribuan lagi kuil, bait dan gereja di seluruh Malaysia, yang mengandungi berbagai-bagai rupa, bentuk dan aksi patung-patung keagamaan. Begitu juga dengan patung-patung kegunaan *indoor* dan *outdoor* seperti patung Lady Maria dan Jesus telah dihasilkan dengan banyak untuk ditempatkan di gereja dan kediaman seluruh dunia.

Merujuk kepada penghasilan, patung lazimnya dibuat dalam saiz yang besar, dan ditempatkan di lokasi yang menjadi tumpuan awam. Ia bebas dari pengaruh keagamaan walaupun adakalanya wujud pemahaman spiritual atau animisme dalam pembuatan dan tanggapan dalam kalangan pemerhati. *Statue of Liberty* umpamanya, berilhamkan tuhan Roman iaitu *Libertas* yang merujuk erti kebebasan menurut kepercayaan masyarakat Rom klasik. Ia bertujuan sebagai pernyataan penentangan dan perhambaan. Namun demikian peredaran masa turut mengubah kandungan asal makna simboliknya kepada ‘*lady of hope*’ kepada golongan pelarian dan pendatang.

Membahaskan dari sudut bahan, patung (*statue*) diperbuat daripada bahan tahan cuaca dan ancaman persekitaran seperti batu, marmar atau gangsa, melalui teknik pahatan, berstruktur atau tuangan logam. Namun dalam masa yang sama, *statue*<sup>7</sup> juga turut dirujuk sebagai patung-patung berhala, patung binatang, patung manusia dan replika objek-objek seni lain dalam skala kecil, seperti permainan kanak-kanak.

Hakikat yang telah disepakati sejagat, istilah patung dan arca sememangnya merujuk kepada aktiviti penghasilan objek buatan manusia yang bersifat 3-dimensi. Therefore, what are sculptures showed and what do statues depicted? Mainly, they show the human body, ideas of which establish an overwhelming majority. Statuary was excessively anthropomorphic, but not solely devoted mortal figure. Sometimes animals are shown. However, this basis perception is confusing since there is no clear distinction between the images of mortal and deities. Thus, the same figure carved in marble or cast in bronze could be a dead mortal or a living or a god, except with the inscription associating the statue enabled the viewer to recognize for what it was (Bruneau, P. et al., 2010).

Analisa terhadap perbezaan antara patung dan arca dari 7 laman sesawang<sup>8</sup>, sejumlah 13 responden mempersetujui bahawa statue adalah imej atau replika berdasarkan ‘*living creature of a human being or animal that is sculpted, carved, modelled or cast*’. Ini adalah sama seperti definisi yang diberikan oleh Simon Wilson and Jessica Lack (2008), and Michael Clarke and Deborah Clarke<sup>9</sup>. Lapan responden menyifatkan bahan-bahan yang digunakan dalam penghasilan arca adalah lebih meluas berbanding patung. Tujuh orang berpendapat patung dihasilkan dalam saiz besar, sedangkan arca tidak mempunyai piawai ukuran yang tetap. Selebihnya empat orang menyifatkan patung adalah sebahagian daripada jenis arca, tetapi tidak semua arca adalah patung.

Bagaimanakah dengan arca-arca moden dan kontemporari di abad ke-21? Karya-karya 3-dimensi yang muncul dalam era abad ke-20 di Malaysia atau seawal abad

ke-18 di Barat yang dikesan permulaannya apabila zaman alasan menggantikan zaman autoriti. Pendekatan yang digunakan adalah berbeza dari sebelumnya. Sikap dan pandangan baru terhadap masa lalu dengan penghayatan berbeza terhadap kebudayaan dan hal-hal berkaitan *eksotis* telah memperkenalkan pelbagai vokabulari seni. Pelbagai pentafsiran bebas telah dilakukan oleh artis yang berbeza. Sejarah seni moden adalah rumit, tetapi terdapat kecenderungan tertentu dan sikap yang menyediakan asas untuk kajian. Dalam seni arca, imej dan bentuk-bentuk semula jadi telah beransur-ansur bertukar menjadi tafsiran abstrak atau pengalaman manusia yang intuitif.

Arca-arca moden bersifat ekspresif dalam bentuk abstrak dan geometrik mula mengambil tempat. Fahaman terhadap peniruan objek sebenar semakin kurang mendapat perhatian di kalangan pengarca-pengarca kontemporari. Walaupun masih wujud penghasilan arca-arca yang menggunakan manusia sebagai ikon, namun pemberatan terhadap konsep peniruan bentuk sebenar bukan tujuan utama, sebaliknya konsep konstruktif dan minimalis mengambil inti pati (*essence*) figuratif bagi mewujudkan sentimen pergerakan, aksi dan emosi. Tema, kandungan (*content*) dan gaya menjadi asas dalam penghasilan karya. Aspek-aspek ikonografi dan formalistik dengan tumpuan terhadap manipulasi elemen dan prinsip-prinsip rekaan semakin ketara dalam cara pengolahan. Penerokaan dan manipulasi bahan dan teknologi adalah keutamaan dalam pendekatan berkarya. Menerusi penelitian ini, Jadual 2.1 menjelaskan spesifikasi ciri-ciri perbezaan antara arca dan patung.

**Jadual 13.1** Ciri-Ciri Perbezaan Antara Arca dan Patung.

Perbandingan antara Arca dan Patung		
No	Arca	Patung
1	Kerja-kerja binaan bentuk 3-dimensi yang melambangkan objek seni buatan manusia.	Objek atau bentuk-bentuk seni buatan manusia bersifat 3-dimensi.
2	Arca yang bertujuan untuk ibadat dan pemujaan adalah diasaskan mengikut kepentingan agama-budaya.	Patung juga bertujuan untuk penyembahan dan perayaan mengikut kepentingan agama-budaya.
3	Arca boleh dirujuk kepada apa juga bentuk 3-dimensi yang dihasilkan oleh seniman atau pengukir, tetapi tidak dirujuk sebagai patung melainkan saiznya adalah lebih besar berbanding ukuran sebenar figura atau binatang yang diarcakan.	Patung lebih sinonim dengan saiz besar yang mewakili seseorang manusia atau haiwan. Adalah penting untuk diambil perhatian bahawa patung boleh kadang-kadang menjadi besar dan gergasi daripada saiz kehidupan sebenar.

4	<p>Arca tidak mempunyai ukuran tertentu. Ia boleh dibentuk dalam mana-mana dimensi dan tidak tertakluk kepada mana-mana piawaian tetap atau skala, seperti aspek anatomi, nisbah perbandingan, simetri danimbangan.</p> <p>Sekiranya arca yang dihasilkan adalah berdasarkan figuratif dengan konsep realistik, maka aspek-aspek anatomi dan ekspresi adalah parameter untuk kesempurnaan.</p>	<p>Patung adalah transformasi bentuk-bentuk manusia atau haiwan kepada saiz yang berskala besar. Dengan demikian patung adalah tertakluk kepada piawaian (<i>standard</i>), nisbah atau skala anatomi bagi mencapai kesempurnaan penghasilannya.</p>
5	<p>Arca adalah karya seni plastik yang boleh dipamerkan di pameran kreatif berkumpulan atau solo seniman seni halus. Aktiviti pameran boleh diadakan di galeri tempatan atau di luar negara bergantung kepada populariti seniman, kemampuan atau tajaan.</p> <p>Galeri swasta dan kerajaan menjadi tumpuan pengarca mempamerkan karya. Galeri juga merupakan tempat bagi pengumpul dan peminat menikmati karya dan berdiskusi.</p>	<p>Patung tidak dipamerkan sama ada dalam pameran solo atau berkumpulan. Ia bersifat sebagai perlambangan bagi sesebuah negara, masyarakat atau ikon kepada sesuatu kepercayaan. Patung ditempatkan di lokasi tumpuan ramai yang strategik bagi tujuan-tujuan yang relevan dengan pembinaannya.</p> <p>Patung juga dikomersialkan secara '<i>mass</i>' produk dalam saiz yang kecil atau sederhana, sebagai hiasan taman, rumah, gereja dan kuil. Patung yang lebih kecil, dikenali sebagai '<i>statuette</i>' digunakan bagi tujuan yang lebih peribadi.</p>
6	<p>Arca kontemporari adalah satu kerja seni halus yang unik dan ia mungkin dizahirkan dalam bentuk representasi atau abstrak. Penghasilannya tidak mempunyai kepentingan terhadap agama atau ritual. Karya arca berpotensi menjadi koleksi peribadi, badan-badan swasta atau kerajaan.</p> <p>Karya-karya arca dalam klasifikasi seni halus, dan dihasilkan oleh seniman tersohor adalah eksklusif dan mempunyai nilai pasaran yang tinggi. Koleksi arca eksklusif ini bersifat pelaburan jangka panjang dan memberikan status sosial yang tinggi kepada pemiliknya.</p> <p>Bentukan arca kontemporari adalah bersifat idealistik dalam penghayatan kreativiti. Kepentingan terhadap olahan dan kefahaman elemen dan prinsip-prinsip seni bagi mencapai tahap kesenangan estetik.</p>	<p>Patung bukanlah kerja seni halus yang bersifat ekspresif dan bukan seni kreatif yang unik. Ia hanyalah pendua yang serupa sama ada seperti manusia atau binatang sepetimana tiruan ke atas model. Patung adalah amat berkemungkinan untuk dilihat seperti makhluk hidup. Pembuat tidak semestinya seorang seniman. Ia boleh terdiri dalam kalangan buruh, tukang, pengilang atau orang yang berkemahiran tinggi.</p> <p>Secara amnya elemen kreativiti tidak terdapat dalam pembuatan patung, kecuali penelitian ke atas hiasan permukaan, dekorasi pada badan, pakaian dan kostum.</p> <p>Sungguhpun demikian, patung-patung yang dibina dengan keprihatinan tinggi terhadap aspek posisi, ekspresi muka, aksi, kehalusan pertukangan mampu mencapai kesempurnaan estetik.</p>

7	<p>Arca dimaksudkan untuk dinikmati keindahan visual. Seorang pengarca menikmati lebih kebebasan berbanding membuat patung. Ini menunjukkan sebuah arca yang dihasilkan bermaksud penghargaan daripada khalayak. Kepuasan estetik pasti menonjol ke dalam minda pemerhati melalui penghayatan yang berbeza.</p> <p>Keberkesanan pengisian makna terhadap arca-arca yang dihasilkan mewujudkan interaksi antara pemerhati dan pengkarya. Kekuatan pengisian ini mustahil untuk dicapai tanpa kajian, penghayatan dan kaedah yang sistematis.</p>	<p>Patung merujuk kepada replika 3-dimensi yang mewakili objek atau bentuk menyerupai makhluk hidup. Kewujudan patung hakikatnya menolak konsep keindahan untuk dinikmati dalam konteks estetika visual. Sebaliknya dominasi sebagai sebuah perlambangan adalah keutamaan. Patung kekal sebagai replika dan tidak mempunyai konsep moden atau kontemporari dalam aspek pembuatan.</p> <p>Klasifikasi patung adalah tetap dan tidak akan berubah sebagai '<i>replica of the living creature that personifies a person or animals</i>'. Taksonomi yang tetap terhadap patung adalah seperti patung tuhan-tuhan, dewa-dewa, malaikat, manusia, kuda, anjing, burung dan hingga yang sekecil pepijat.</p>
8	<p>Bahan untuk penghasilan arca adalah tidak terhad. Ia boleh dibentuk dari bahan-bahan yang keras seperti '<i>stainless steel</i>', besi, dan logam-logam lembut seperti aluminium, '<i>copper</i>', '<i>brass</i>', '<i>silver</i>' dan sebagainya.</p> <p>Bahan pejal seperti batu, marmor, simen, kayu dan terracotta juga turut diaplikasikan. Selain itu bahan-bahan lembut seperti getah, plastik, gentian hingga ke bahan-bahan tekstil juga telah dieksplorasi oleh seniman.</p> <p>Cabaran bahan dalam arca kontemporari adalah lebih bersifat pengantaraan kepada penguasaan konsep dan idea. Gabungan antara bahan menyarankan kesan visual yang berbeza.</p> <p>Keupayaan menguasai bahan dalam konteks pengurusan ikonografi dengan memaksimumkan kesan-kesan visual dalam semua aspek seperti ekspresi ruang, warna, aksi dan pencahayaan adalah ciri-ciri penerimaan arca kontemporari.</p>	<p>Patung diperbuat daripada bahan tahan cuaca dan ancaman persekitaran, bersesuaian dengan terletaknya di kawasan awam. Logam tahan karat seperti <i>stainless steel</i> dan keluli digunakan sebagai struktur. Logam lembut seperti gangsa, <i>copper</i>, <i>brass</i> dan aluminium adalah paling kerap digunakan. Bahan-bahan lain adalah seperti batu, marmor atau simen.</p> <p>Logam-logam mahal seperti perak, suasa dan emas digunakan untuk membuat patung eksklusif bagi tujuan-tujuan khusus, seperti pelaburan peribadi terhadap bahan, hadiah atau untuk dipamerkan di tempat-tempat istimewa bagi memperoleh reputasi.</p> <p>Bahan-bahan lembut seperti kain dan kertas digunakan untuk membuat patung-patung 'sementara' bagi tujuan festival, perarakan kebudayaan dan demonstrasi. Patung-patung ini tidak kekal dan dimusnahkan setelah selesai sesuatu keraian.</p> <p>Umumnya patung seperti ini hanya menggunakan sejenis bahan tunggal kecuali ia dibuat berdasarkan hiasan.</p>

9	Tiada sekatan teknikal dalam penghasilan arca. Aspek teknikal bergantung kepada keupayaan dan kemahiran seniman dalam menguasai dan memanipulasi bahan.	Patung diperbuat sama ada melalui teknik pahatan dan ukiran, kimpalan struktur atau tuangan.
---	---	--

## Kesimpulan

Mengambil kira daripada aspek konsep dan kepentingan, persembahan, gaya dan tujuan, bentuk-bentuk figura sama ada manusia atau haiwan yang digunakan bagi memenuhi kehendak agama dan ritual adalah dicadangkan untuk disebut sebagai patung. Sementara, objek-objek 3-dimensi yang diasaskan kepada seni halus, yang tujuannya khusus untuk dihayati sebagai sebuah karya seni berdasarkan kepentingan estetik, serta bebas dari semua unsur ketuhanan, dicadangkan untuk disebut sebagai arca. Dengan erti lain, pertimbangan ini dibuat berdasarkan spesifikasi fungsi objek seni yang berkenaan. Dengan klasifikasi ini, istilah patung wajar untuk mewakili objek-objek 3-dimensi yang diguna untuk tujuan keagamaan. Istilah arca pula merujuk kepada objek-objek seni halus dalam pengertian seni moden tempatan yang bebas daripada kepentingan agama dan ritual kebudayaan.

## Nota Hujung

- <sup>1</sup> Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman. *Penyelidikan arkeologi Seni dan Sejarah Tamadun Cham*. Journal article: UKM. <http://jurnalarticle.ukm.my/385/1/1.pdf>. 10/03/2012.
- <sup>2</sup> Diterjemahkan sebagai: Akan sentiasa wujud komplikasi terhadap sinonim dengan pandangan-pandangan yang berbeza, yang diakibatkan oleh hakikat maksud yang bertukar-tukar. Dalam keadaan ini, istilah untuk patung mungkin mencerminkan pengetahuan tertentu individu, tetapi penyebaran semantik yang serentak dengan pengistilahan, sangat tidak sistematik untuk memberi kriteria dalam mengkategorikan sama ada pembentukan atau tujuan sesebuah patung
- <sup>3</sup> E. Blaine Cliver. *The Statue of Liberty: Systems within a Structure of Metals*. Bulletin of the Association for Preservation Technology, Vol. 18, No. 3 (1986), m/s.12-23. Association for Preservation Technology International (APT).
- <sup>4</sup> Christopher A. Thomas. *The Marble of the Lincoln Memorial: "Whitest, Prettiest, and ..Best"*. Washington History, Vol. 5, No. 2 (Fall/Winter, 1993/1994), m/s.42-63. Historical Society of Washington, D.C., Allen C. Clark. *Abraham Lincoln in the National Capital*. Records of the ColumbiaHistorical Society, Washington, D.C., Vol. 27 (1925), m/s. 1-174. Historical Society of Washington, D.C., Christopher R. Eliot. *The Lincoln Emancipation*.The Journal of Negro History, Vol. 29, No. 4 (Oct., 1944), pp. 471-475. Association for the Study of African American Life and History, Inc.
- <sup>5</sup> Untuk maklumat lanjut tentang perkembangan seni patung Indonesia, sila rujuk, Sun Ardi, *Wajah Seni Patung Indonesia: Dalam Pameran Besar Seni Patung Indonesia di Yogyakarta* dalam Seni: Jurnal Pengetahuan dan Penciptaan Seni. Yogyakarta: BP, ISI. Vol. II, No.02 (April 1992), m/s.30-42.
- <sup>6</sup> Gill, N.S., is a Latinist writer, focusing on the classical world. She has a B.A. in Latin and M.A. in linguistics from University of Minnesota. Refer to: N.S. Gill. *Zeus at Olympia*. Web. 20.3.2012. <http://ancienthistory.about.com/od/artarchaeologyarchitect/g/ZeusOlympia.htm>.
- <sup>7</sup> Patung dalam masyarakat Melayu Islam adalah merujuk langsung kepada figura sembahyang menyerupai makhluk hidup seperti manusia, haiwan atau mistik. Dalam hal ini saiz tidak mempengaruhi maksud. Oleh itu, objek permainan kanak-kanak yang menyerupai fizikal manusia, seperti anak patung dan lain-lain objek bernyawa adalah dirujuk sebagai patung.
- <sup>8</sup> Web., 6/3/2012.

- <http://uk.answers.yahoo.com/question/index?qid=20070915194725AAs7tGh>.  
<http://forum.wordreference.com/showthread.php?t=1342667>.  
<http://answers.yahoo.com/question/index?qid=20100611201802AARdiiv>.  
<http://www.differencebetween.com/difference-between-statue-and-vs-sculpture/>.  
<http://www.differencebetween.com/difference-between-statue-and-vs-sculpture/#ixzz1oIToXyHZ>.  
<http://hubpages.com/question/24840/whats-the-difference-between-statue-and-sculpture>.  
<http://www.webanswers.com/arts-humanities/sculpture/what-is-the-difference-between-statue-and-sculpture-b03b17>.
- <sup>9</sup> Michael, C. & Deborah, C., "Sculpture" The Concise Oxford Dictionary of Art Terms. Oxford University Press Inc. Oxford Reference Online. Oxford University Press. Nova Southeastern University Law Library. Web., 29/6/2011. <<http://www.oxfordreference.com/views/ENTRY.html?subview=Main&entry=t4.e1893>>

## Rujukan

- Allen C. Clark. (1925). *Abraham Lincoln in the National Capital*. Records of the Columbia Historical Society, Washington, D.C., Vol. 27 (1925), m/s. 1-174. Historical Society of Washington, D.C.
- Baharuddin Mohd Arus. (2008). *Peribumi*, in *Timelines: Malaysian Art with 50 Years National Art Gallery*. Kuala Lumpur: BSLN.
- Bank Negara Malaysia. (2003). *Warisan Numismatic Malaysia: Jongkong Timah Sebagai mata wang di Semenanjung Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Unit Muzium Matawang dan Arkib.
- Bruneau, P., Torelli, M., Barral, X. (2010). *Sculpture 1: From Antiquity to the Middle Age*. Part I. From Eighth Century BC to the Fifth Century AD. Edited by George Duby & Jean –Luc Daval. America: TASCHEN.
- Ceysson, B., Bresc-Bautier, G., et. al. (2010). *Sculpture 2: From Renaissance to the Present Day*. Part II. The Great Tradition of Sculpture: From Fifteenth to the Twentieth Century. Edited by George Duby & Jean –Luc Daval. America: TASCHEN.
- Christopher A. Thomas.(1993). *The Marble of the Lincoln Memorial: "Whitest, Prettiest, and .. Best"*. Washington History, Vol. 5, No. 2 (Fall/Winter, 1993/1994), m/s.42-63. Historical Society of Washington, D.C.
- Christopher R. Eliot. (1994). *The Lincoln Emancipation*.The Journal of Negro History, Vol. 29, No. 4 (Oct., 1944), pp. 471-475.Association for the Study of African American Life and History, Inc.
- Gardners, Helen. (1959). *Art Through The Edges*. 4<sup>th</sup> Ed. (Revised by Sumner McK. Crosby, the Department of the History of Art, Yale University). London: G. Bell and Son, Ltd.
- Nas, Peter J.M. (1992). *Jakarta, City Full of Symbols: An Essay in Symbolic Ecology*. Sojourn: Journal of Social Issues in Southeast Asia, Vol. 7, No. 2 (AUGUST 1992), m/s.175-207. Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS).
- Philippe Bruneau, Mario Torelli, Xavier Barral. (2010). *Sculpture 1: From Antiquity to the Middle Age*. Part I. From Eighth Century BC to the Fifth Century AD. Edited by George Duby & Jean –Luc Daval. America: TASCHEN.
- Shahrum Yub. (1980). *Mah-Meri sculpture*. The Department of Museums, Kuala Lumpur. Kuala Lumpur: Malaysia.
- Wilson, S. & Lack, J. (2008). *The Tate Guide to Modern Art Terms*. London: Tate Publishing.

# Kupas Seni

JURNAL SENI DAN PENDIDIKAN SENI  
*Journal of Art and Art Education*

## PURCHASE OF KUPAS SENI

Kupas Seni can be purchased at RM 25.00 per copy for orders from Malaysia, Singapore, Brunei and Indonesia, for other countries the price is USD 10.00 per copy. Cheques/money order/postal order should be crossed and made payable to **The Bursar, Universiti Pendidikan Sultan Idris** and should be sent together with the order form to:

**Penerbit UPSI**  
**Universiti Pendidikan Sultan Idris**  
**35900 Tanjung Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia**  
Tel: (6)05-4506464/6803  
Fax: (6)05-4595169

## ORDER FORM

Please send me/us \_\_\_\_\_ copies **Kupas Seni** Journal Vol. \_\_\_ No. \_\_\_ Year \_\_\_ I/we enclose cheque/money order/ postal order an amount of \_\_\_\_\_

Name : \_\_\_\_\_

Address : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Phone : \_\_\_\_\_

Email : \_\_\_\_\_

Signature : \_\_\_\_\_

© Sultan Idris Education University/Universiti Pendidikan Sultan Idris 2014

